

Jangan tangguh gaji minimum

Dalam hidup ini, duit bukan segala-galanya tetapi segala-galanya perlukan duit. Untuk mencari nafkah hidup, majoriti kita bekerja makan gaji. Resmi makan gaji, pendapatan sederhana dan adakala hanya cukup-cukup makan. Lebih parah, gaji tak cukup untuk menampung kos sara hidup yang makin meningkat masa kini.

Lihat saja nilai duit RM1. Kalau kanak-kanak tahun 2000, jika dapat duit raya RM1 seorang sudah cukup besar nilainya. Sekarang, kanak-kanak hanya pandang sebelah mata jika dapat duit raya dengan jumlah yang sama.

Menurut **Jabatan Perangkaan Malaysia**, Indeks Harga Pengguna (IHP) Malaysia bagi Februari 2022 meningkat 2.2 peratus kepada 125.2 berbanding 122.5 pada bulan yang sama tahun sebelumnya, didorong kenaikan inflasi makanan.

Kenaikan itu melepasi purata inflasi bagi tempoh 2011 hingga Februari 2022 (1.9 peratus). Kenaikan inflasi makanan yang merupakan penyumbang terbesar kepada ke-seluruhan wajaran IHP, terus menjadi penyumbang utama kepada kenaikan inflasi negara.

Tidak ada insan yang suka-suka berhutang. Namun, membaca laporan Utusan Malaysia semalam memberi perspektif berbeza. Ini apabila lebih tujuh juta pekerja swasta di negara ini terpaksa berhutang sepanjang hayat.

Mereka juga mengharapkan bantuan kerajaan setiap masa kerana tidak mempunyai lebihan wang untuk menabung sekiranya gaji minimum RM1,500 tidak dilaksanakan mulai 1 Mei ini.

Golongan ini terpaksa berhutang kerana gaji yang terlalu rendah namun kos sara hidup tinggi. Akhirnya mendorong mereka meminjam dari institusi kewangan atau ceti haram sebagai jalan keluar.

Hakikatnya sebahagian 5.3 juta rakyat terpaksa mengeluarkan wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) baru-baru ini kerana mereka terpaksa bayar hutang dan menyara kehidupan kerana gaji rendah.

Sememangnya ada korelasi antara gaji dengan hutang. Kalau di bandar seperti Kuala Lumpur, bekerja dengan gaji kurang RM1,500, hanya orang bujang yang berpekin sahaja mampu bertahan.

Di ibu negara, dengan nak masuk tandas pun kena bayar 20 sen dan ada yang 50 sen, selain bil utiliti dan belanja ulang-alik ke pejabat, barangkali daripada gaji RM1,300 hanya tinggal RM500 untuk makan-minum dan sara hidup.

Bayangkan kos makan tengah hari iaitu nasi lauk ayam dan sayur biasanya mencecah antara RM7 ke RM9 seorang. Teh 'O' di gerai pun RM1.20 segelas. Kalau bungkus kos-nya lebih lagi kerana peniaga masukkan kos plastik sekali. Teh ais 'mangkuk' pun mencecah RM2.50.

Kes 'tak cukup makan' ni bukan hanya melibatkan pekerja swasta. Tempiasnya kena juga kepada penjawat awam. Seinggakan ramai yang terpaksa main kutu semata-mata untuk hiduikan cukai jalan dan insurans tahunan kereta. Itu tak termasuk yang main kutu untuk buat belanja sambut hari raya.

Oleh itu, jangan ditangguh lagi pelaksanaan gaji minimum 1 Mei ini. – UTUSAN

<https://www.utusan.com.my/commentary/jangan-tangguh-gaji-minimum/>